

ISU-ISU DAN SYOR-SYOR: KANAK-KANAK TANPA WARGANEGARA ATAU DOKUMEN DI SARAWAK

BIL	ISU/ CABARAN	SYOR/ CADANGAN
1.	<p>Kawasan Geografi bumi Sarawak yang Luas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Komuniti kanak-kanak tanpa warganegara/dokumen ini tinggal di kawasan pedalaman dan pelusuk luar bandar Sarawak. • Kadar kemiskinan yang tinggi dalam kalangan mereka menyebabkan mereka tidak mampu hidup di bandar. Akibatnya, mereka mempunyai akses perhubungan yang terhad dengan pihak berkuasa. • Hal ini mendorong ramai dalam kalangan mereka tidak memohon kewarganegaraan/dokumen kerana kebanyakan pejabat permohonan jauh dari kampung mereka dan terletak di bandar. • Selain itu, kebanyakan mereka juga berada di sempadan negeri Sarawak. • Ini berikutan ramai dalam kalangan mereka adalah warga asing yang tidak sah datang ke Malaysia dan berkahwin dengan penduduk tempatan dan menetap di Sarawak. • Komuniti kanak-kanak dari golongan di atas juga sukar memohon kewarganegaraan/dokumen berikutan status bukan warganegara samada ibu atau ayah mereka. 	<ul style="list-style-type: none"> • Rujuk Bil 3. untuk syor/cadangan mengatasi isu/cabaran.
2.	<p>Isu dalam Proses Permohonan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Proses permohonan yang tidak selari <ul style="list-style-type: none"> ○ Pemohon yang telah membuat permohonan mendapat keputusan bahawa permohonannya di Putrajaya telah berjaya. Namun, apabila disemak semula dengan pejabat daerah UTC, permohonannya telah ditangguhkan. ○ Contoh kes diberikan oleh Encik Philip Jau dari NGO Baram 	<ul style="list-style-type: none"> • Cadangan untuk polisi dan langkah-langkah yang melibatkan dasar dalam permohonan perlulah melibatkan jabatan-jabatan kerajaan yang lain; KPKK, KDN dan JPN. Koordinasi dan kerjasama diperlukan oleh pelbagai pihak atasan. • NGO sebagai perantara - di antara pemohon dan Pejabat Daerah bagi permohonan kanak-kanak yang

	<p>Protection Against Committee melibatkan seorang kanak-kanak bernama Endah.</p> <ul style="list-style-type: none">• Proses permohonan dan kelulusan yang lama (bertahun-tahun)<ul style="list-style-type: none">○ Berikutan proses permohonan yang menuntut kelulusan yang lama, ramai dalam kalangan mereka mengabaikan keperluan memohon dokumen pengenalan diri ketika kecil.○ Justeru itu, apabila mereka telah dewasa, mereka menghadapi masalah untuk bekerja menyara keluarga kerana tiada dokumen pengenalan diri.○ Jika mendapat pekerjaan pun, mereka tidak dilindungi dan tiada EPF yang disediakan serta sering menjadi mangsa eksploitasi oleh majikan.• Semua permohonan kewarganegaraan perlu menyediakan apa-apa bentuk dokumen sama ada sijil kelahiran, sijil kahwin ibu bapa dan lain-lain. Masalah akan berlaku apabila kanak-kanak ini tidak mempunyai apa-apa dokumen langsung.	<p>memerlukan dokumen. Permohonan akan menjadi lebih efektif jika adanya koordinasi tersebut.</p>
--	--	---

	<ul style="list-style-type: none"> • Kategori Permohonan: <ul style="list-style-type: none"> ○ <i>Pemegang Dokumen Pengenalan Diri Bertaraf Penduduk/Kad Hijau</i> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Kebanyakan mereka adalah penduduk tempatan tetapi gagal mengeluarkan dokumen sokongan yang dapat membuktikan mereka berstatus warganegara.</i> ▪ <i>Masalah lebih serius apabila ibu bapa telah meninggal dunia dan tidak dapat buktikan mereka adalah warganegara/lahir di Malaysia.</i> ▪ <i>Sijil Kelahiran Bertaraf Belum Ditentukan – mereka tidak layak memohon. Ini termasuk masalah ibu bapa kanak-kanak yang tidak mempunyai sijil kahwin.</i> ○ <i>Orang Asing yang Menetap Selepas Hari Malaysia (16 Sept 1963)</i> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Mereka diberikan pas lawatan. Namun sebilangan besar mereka tiada dokumen lain dan hanya pas lawatan. Kategori ini tidak diiktiraf sebagai warganegara kerana ibu bapa mereka bukan warganegara.</i> ○ <i>Perbezaan Ordinan yang Digunakan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan</i> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Setiap kelahiran tertakluk kepada Ordinan Pendaftaran Kelahiran Sarawak. Kanak-kanak diiktiraf sebagai warganegara apabila salah seorang ibu bapa mereka terbukti warganegara dan mempunyai dokumen perkahwinan yang sah.</i> ▪ <i>Jikalau ibu bapa bukan warganegara tetapi ada sijil kahwin, pihak atasan akan merujuk kepada status kewarganegaraan ibu dahulu. Ini kemudian akan merujuk semula kepada dokumen sokongan bagi setiap permohonan.</i> 	
3.	<p>Penetapan Status Kewarganegaraan Bayi/Kanak-kanak di Sijil Lahir</p> <ul style="list-style-type: none"> • Status bayi pada sijil lahir yang dilahirkan akan mengikut status kewarganegaraan ibu dan sekiranya ibu bukan warganegara atau tidak diketahui status kewarganegaraannya, bayi tersebut akan ditetapkan sebagai bukan warganegara. <ul style="list-style-type: none"> ○ Walaupun bapanya berstatus warganegara, anak tersebut tidak mendapat status warganegara jika tiada sijil kahwin dikemukakan oleh ibu bapa - bayi ditetapkan sebagai bukan warganegara. 	<ul style="list-style-type: none"> • Cadangan bagi taraf bayi dilahirkan oleh ibu yang belum dapat ditentukan status untuk dibiarkan sahaja kosong atau ditulis belum ditentukan. Adalah tidak wajar untuk bayi tersebut terus ditetapkan sebagai bukan warganegara. Hal ini kerana jika terus ditetapkan sebagai bukan warganegara, kebarangkalian bayi untuk mendapat pengiktirafan warganegara adalah lebih sulit di masa hadapan.

4.	<p>Unit Gerakan Khas untuk Isu Pendaftaran/Kewarganeraan di Kawasan Pedalaman</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merupakan satu inisiatif kerajaan yang banyak membantu memudahkan proses permohonan kewarganegaraan dan dokumen terutamanya bagi masyarakat luar bandar. <ul style="list-style-type: none"> ○ Namun, salah satu pejabatnya di Miri tidak aktif buat masa sekarang dan merupakan satu beban kepada pemohon luar bandar kerana kos perjalanan yang tinggi untuk ke bandar – mencecah hampir RM180 (dewasa)/RM80 (kanak-kanak) bagi sekali perjalanan. Tidak termasuk kos makanan dan keperluan lain. 	<ul style="list-style-type: none"> • Unit gerakan khas ini perlu diaktifkan semula untuk memudahkan masyarakat luar bandar dan di kawasan pedalaman yang menghadapi sebarang masalah pendaftaran/kewarganegaraan. Pihak JPN memaklumkan unit ini masih lagi beroperasi tetapi mengikut keperluan. • Cadangan menubuhkan “<i>one-stop centre</i>” dimana semua jabatan seperti pejabat majistret, JPN dan pihak-pihak yang terlibat dalam proses permohonan kewarganegaraan untuk ditempatkan di satu bangunan/pejabat. Ini dapat mempercepatkan proses permohonan tersebut dan memudahkan orang awam bagi urusan tertentu terutamanya penduduk dari pedalaman yang perlu mengeluarkan kos yg besar untuk tambang bergerak ke banyak tempat yang berbeza hanya untuk mendapatkan pengesahan dokumen.
5.	<p>Ibu Bapa/Penjaga Tidak Diberi Pendedahan dan Pemahaman yang Betul mengenai Kepentingan Dokumen Bagi Anak-anak</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan ibu bapa ini tidak mengambil serius keperluan dokumen bagi anak-anak mereka. Disebabkan proses permohonan yang rumit, lama dan lokasi pejabat yang jauh, ibu bapa dan penjaga berasa sukar untuk meneruskan permohonan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kesedaran haruslah diberikan kepada para ibu bapa/penjaga ini untuk mereka mengetahui kepentingan kanak-kanak mempunyai dokumen pengenalan diri. • Pihak kerajaan, organisasi bukan kerajaan dan anggota masyarakat mesti terus berganding bahu memberi kesedaran akan isu ini kepada para ibu bapa/penjaga khususnya mereka yang tinggal di pedalaman.
6.	<p>Perkahwinan Adat atau Pribumi¹</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan boleh dibuat dengan memohon sijil

¹ Mengikut Pendaftaran Perkahwinan Di Bawah Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952 dan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976, “*Seksyen (4) Akta ini tidaklah terpakai bagi mana-mana anak negeri Sabah atau Sarawak atau seseorang orang asli Semenanjung Malaysia yang perkahwinan dan perceraian*nya

	<ul style="list-style-type: none"> • Pasangan yang berkahwin mengikut perkahwinan adat – perkahwinan dikatakan perlu didaftarkan mengikut perkahwinan sivil untuk mendapatkan status kewarganegaraan. <ul style="list-style-type: none"> ○ Namun, bagi pasangan yang telah bercerai dan salah seorang pasangan tidak dapat dihubungi, ia menjadi masalah untuk anak-anak mereka mendapat dan memohon kewarganegaraan. 	<p>perkahwinan lewat – dengan membawa bukti perkahwinan adat atau sebarang dokumen yang menunjukkan ibu dan bapa pernah berkahwin dan hidup bersama.</p>
7.	<p>Pegawai Tidak Memahami Masalah yang Dihadapi oleh Pemohon</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kurangnya simpati dalam proses pengurusan permohonan. Kebanyakan mereka tidak memahami masalah yang dihadapi oleh pemohon yang kebanyakannya tinggal di pedalaman. 	
8.	<p>Kanak-kanak yang Tidak Diberi Dokumen adalah satu bentuk Diskriminasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos perubatan adalah tinggi bagi kanak-kanak bukan warganegara. Dimaklumkan bahawa untuk empat (4) hari kemasukan wad, jumlah yang dikenakan hampir mencecah RM2,000. Ada juga yang dikenakan kos RM9,000 bagi pembedahan kecil. Kebanyakan mereka tidak mampu untuk membayar kos tersebut. Kes melibatkan kanak-kanak tanpa dokumen iaitu adik Moses Madang Jau. • Kanak-kanak juga tidak dibenarkan untuk ke sekolah harian biasa. <ul style="list-style-type: none"> ○ Pihak sekolah tidak menerima kemasukan mereka ke sekolah kerana tidak mematuhi syarat kemasukan – ibu bapa atau penjaga tiada kad pengenalan dan dokumen 	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi kemasukan kanak-kanak ke sekolah, syarat-syaratnya perlu dipermudahkan demi kepentingan kanak-kanak tersebut: <ul style="list-style-type: none"> ○ Surat pengesahan dari penghulu seharusnya cukup untuk dijadikan sebagai surat pengesahan bagi kanak-kanak ini untuk berdaftar kerana penghulu ini juga dilantik oleh pihak kerajaan.

tertakluk kepada undang-undang adat anak negeri atau adat orang asli melainkan jika— (a) dia memilih untuk berkahwin di bawah Akta ini; (b) dia membuat kontrak perkahwinannya di bawah Ordinan Perkahwinan Kristian [Sabah Bab 24]; atau (c) dia membuat kontrak perkahwinannya di bawah Ordinan Perkahwinan Sivil dan di Gereja [Sarawak Bab 92].” Orang asal tidak perlu mendaftar perkahwinan dan cukup dengan mematuhi adat perkahwinan orang asal yang disahkan oleh ketua adat.

	<p>yang sah.</p> <ul style="list-style-type: none">○ Dimaklumkan surat pengesahan oleh Majistret diperlukan untuk mereka daftar ke sekolah kerana surat dari penghulu tidak diterima dan ini merumitkan lagi proses.○ Kanak-kanak yang menghadiri sekolah bukan kerajaan atau sekolah alternatif juga tidak diberikan sijil dan ini menghalang mereka untuk melanjutkan pelajaran serta mencari pekerjaan yang selamat.● Mereka tidak menerima apa-apa bantuan dan tiada akses kepada hak-hak lain apabila dewasa.<ul style="list-style-type: none">○ Tidak dapat mengundi kerana tiada dokumen.	
--	--	--